LIAH SAHAT

lwn.

IZAWATI ABDUL HADI & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, MELAKA
AHMAD MAAROP PK
[RAYUAN SIVIL NO: 12-40-2001]
30 JANUARI 2002

PROSEDUR SIVIL: *Pliding - Memplid kausa tindakan - Tuntutan gantirugi akibat kemalangan jalanraya - Pengakuan liabiliti oleh syarikat insuran - Sama ada penghakiman boleh dimasukkan terhadap syarikat insuran - Kegagalan memplid kausa tindakan terhadap syarikat insuran - Sama ada memudaratkan - Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980, A. 22 k. 3 - Akta Pengangkutan Jalan 1987, s. 96*

Pada tahun 1998, plaintif telah memfail suatu tuntutan gantirugi terhadap defendan pertama dan kedua di Mahkamah Sesyen akibat satu kemalangan jalanraya yang melibatkan kematian anaknya. Defendan-defendan telah memfailkan pembelaan mereka masing-masing. Sementara itu, permohonan telah dibuat oleh syarikat insuran terbabit ('Sime Assurance') untuk menjadi pihak kepada tuntutan, dan permohonan tersebut telah dibenarkan. Fakta menunjukkan bahawa, dalam affidavitnya bagi menyokong permohonan, peguamcara Sime Assurance, antara lain, telah berikrar bahawa Sime Assurance "mungkin masih bertanggungjawab untuk menjelaskan sebarang penghakiman yang plaintif akan perolehi".

Berikutnya plaintif memperoleh penghakiman ingkar terhadap defendan kedua, dan merekod penghakiman persetujuan dengan defendan pertama di mana defendan pertama diperintah membayar gantirugi sebanyak RM20,000. Plaintif mengatakan bahawa apa yang diikrarkan oleh peguamcara Sime Assurance di atas adalah suatu pengakuan tentang liabiliti Sime Assurance, dan dengan itu memohon penghakiman muktamad terhadap syarikat insuran tersebut di bawah A. 22 k. 3 Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980 ('KMR'). Permohonan plaintif ditolak oleh Hakim Sesyen dan plaintif merayu. Di hadapan yang arif Pesuruhjaya Kehakiman, isu penting yang timbul ialah, sama ada penghakiman di bawah A. 22 k. 3 KMR boleh dimasukkan jika perkara mengenai fakta atau soal yang dikatakan telah diakui itu tidak diplid oleh pemohon. Adalah tidak dinafikan bahawa dalam pernyataan tuntutannya, plaintif tidak memplidkan apa-apa kausa tindakan terhadap Sime Assurance.

Diputuskan:

[1] Dalam sesuatu tindakan, kejayaan sesuatu pihak untuk mendapatkan penghakiman bergantung kepada soal sama ada ia dapat membuktikan dengan keterangan saksi-saksi dan dokumentar, fakta-fakta yang menyokong kausa tindakannya seperti yang diplidkan. Namun, ada kalanya satu pihak membuat pengakuan-pengakuan fakta, dan jika ini berlaku, fakta yang diakui tidak perlu lagi dibicarakan. (ms 615 d)

[2] Penyelesaian kepada isu sama ada mahkamah boleh memasukkan penghakiman terhadap Sime Assurance di bawah A. 22 k. 3 KMR adalah bergantung kepada pliding perayu. Dalam ertikata lain, fakta atau isu yang dikatakan telah diakui oleh sesuatu pihak itu, yang membolehkan pihak yang lain memohon penghakiman di bawah A. 22 k. 3 KMR, mestilah merupakan perkara-perkara yang telah diplidkan atau timbul dengan jelas daripada pliding pihak yang memohon penghakiman itu. (ms 616 a)

[3] Dalam kes semasa, tidak terdapat apa-apa dalam pernyataan tuntutan perayu yang menimbulkan kausa tindakan terhadap Sime Assurance. Malah tidak ada apa-apa dalam pernyataan tuntutan itu yang mengaitkan atau pun membuat apa-apa rujukan kepada syarikat insuran itu. (ms 617 b-c)

[4] Adalah jelas bahawa, selepas Sime Assurance dimasukkan sebagai satu pihak dalam tuntutan perayu, dan selepas ia memfailkan pernyataan pembelaannya, perayu boleh membuat pindaan terhadap pernyataan tuntutannya. Malangnya, ini tidak dilakukan oleh perayu. (ms 617 c-d)

[5] Tafsiran perayu mengenai applikasi A. 22 k. 3 KMR yang dikatakan membolehkannya terus memasukkan penghakiman berdasarkan kepada keadaan kes di sini adalah tidak berasas. Ini kerana mahkamah perlu membuat keputusannya berlandaskan kepada kes perayu sepertimana yang diplidkannya. Dalam halkeadaan kes, membenarkan permohonan perayu bererti mahkamah membuat keputusan mengenai soal pokok yang langsung tidak diplidkan dalam pernyataan tuntutan. Ini tidak boleh dilakukan. Oleh itu, keputusan Mahkamah Sesyen haruslah dikekalkan. (ms 617 e-g)

[Rayuan ditolak.]

Kes-kes yang dirujuk:

Aetna Universal Insurance Sdn Bhd v. Fire Accident & Marine Sdn Bhd [2001] 4 CLJ 753 HC ***(dirujuk)***

Ash v. Hutchinson & Co [1936] Ch 489 ***(dirujuk)***

Associated Tractors Sdn Bhd v. PMB (Kulim) Sdn Bhd [1989] 1 MLJ 245 ***(dirujuk)***

Chung Khiaw Bank Ltd v. Hotel Rasa Sayang Sdn Bhd & Anor [1990] 1 CLJ 675; [1990] 1 CLJ (Rep) 57 SC ***(dirujuk)***

Government of Malaysia v. Lim Kit Siang [1988] 1 CLJ 219; [1988] 1 CLJ (Rep) 63 SC ***(dirujuk)***

Lee Ah Chor v. Southern Bank Bhd [1991] 1 CLJ 667; [1991] 1 CLJ (Rep) 239 SC ***(dirujuk)***

Malacca Precast Concrete Works v. William Jack & Co (M) Sdn Bhd [1970] 2 MLJ 111 ***(dirujuk)***

Muniandy & Anor v. Muhammad Abdul Kader & Ors [1989] 2 CLJ 577; [1989] 1 CLJ (Rep) 116 SC ***(dirujuk)***

Pembinaan KSY Sdn Bhd v. Syarikat Federal Furniture Construction and Engineering Works [1991] 1 MLJ 347 ***(dirujuk)***

Queensland Insurance Co Ltd v. Lee Brothers Organisation [1967] 2 MLJ 258 ***(dirujuk)***

Ranhill Bersekutu Sdn Bhd v. Konsortium Lapangan Terjaya Sdn Bhd [2001] 2 CLJ 380 HC ***(dirujuk)***

Ria Enterprise & Ors v. MBf Finance Bhd [2001] 1 CLJ 687 HC ***(dirujuk)***

Ruby Investment (Pte) Ltd v. Candipark Pte Ltd [1989] 3 MLJ 396 ***(dirujuk)***

Societe Belge De Banque SA v. Rao Girdhari Lal Chaudhary [1940] AIR 90 ***(dirujuk)***

State Government of Perak v. Muniandy [1986] 1 MLJ 490 ***(dirujuk)***

The People's Insurance Co (M) Sdn Bhd v. Syarikat Kenderaaan Melayu Kelantan Bhd [2001] 1 CLJ 510 HC ***(dirujuk)***

Tong Lee Hwa & Anor v. Chin Ah Kwi [1971] 2 MLJ 75 ***(dirujuk)***

Yew Wan Leong v. Lai Kok Chye [1990] 1 CLJ 1113; [1990] 1 CLJ (Rep) 330 SC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Road Transport Act 1987, s. 96

Subordinate Courts Rules 1980, O. 22 r. 3

Bagi pihak plaintif - Jaspal Singh; T/n Raghbir Singh Norizan & Co

Bagi pihak defendan - Neetha Kumar; T/n Vohrah & Tan Chee Lan

Dilaporkan oleh WA Sharif

ALASAN PENGHAKIMAN

Ahmad Maarop PK:

Pada atau kira-kira pada 24 Jun 1998, motosikal No. MAF 2510 yang ditunggang oleh simati Borhan bin Ismail, telah terlibat dalam kemalangan dengan motokar No. PCY 3808 yang dipandu oleh defendan pertama. Kemalangan ini telah menyebabkan kematian simati. Plaintif, ibu simati, telah menyaman defendan pertama dan defendan kedua. Dalam pernyataan tuntutannya, plaintif mendakwa bahawa kemalangan yang tersebut di atas telah disebabkan atau pun disumbangkan oleh kecuaian defendan pertama sebagai pengkhidmat dan/atau ejen kepada defendan kedua.

Tetuan Vohrah & Tan Chee Lan, peguambela dan peguamcara, pada mulanya telah mewakili defendan pertama dan defendan kedua. Tetuan Vohrah & Tan Chee Lan telah memfailkan pembelaan bagi defendan pertama dan kedua.

Melalui kandungan 13, Tetuan Vohrah & Tan Chee Lan telah memfailkan notis permohonan untuk mendapatkan perintah-perintah berikut:

1) Bahawa Tetuan Vohrah & Tan Chee Lan telah terhenti daripada menjadi peguamcara yang bertindak bagi pihak Defendan Pertama dan Kedua tersebut dalam tindakan di atas;

2) Bahawa Tetuan Sime AXA Assurance Berhad dimasukkan sebagai salah satu Defendan di dalam tindakan ini dan Saman serta Pernyataan Tuntutan dipinda dalam tempoh satu bulan memasukkan Tetuan Sime AXA Assurance Berhad sebagai satu Defendan (Co-Defendant);

3) Bahawa atas penyampaian Saman dan Pernyataan Tuntutan yang dipinda ke atas Tetuan Sime AXA Assurance Berhad, ia mempunyai kebebasan untuk memasukkan kehadiran;

4) Bahawa kos permohonan ini menjadi kos di dalam kausa.

Permohonan tersebut disokong oleh afidavit En. Amar Chand Vohrah yang telah diikrarkan pada 11 Jun 1999 (selepas ini disebut sebagai "afidavit berkenaan"). Alasan utama bagi permohonan tersebut dinyatakan di perenggan 5 afidavit berkenaan:

> Setelah siasatan dijalankan oleh anakguam kami, ianya telah didapati bahawa terdapat ketidakjujuran dan penipuan (dishonesty and fraud) yang menyebabkan anakguam kami perlu menolak liabiliti (repudiate liability) terhadap defendan pertama dan kedua. Defendan kedua pada mulanya menyatakan bahawa rnotokar tersebut telah diserahkan kepada seorang kawan yang beliau tidak dapat mengenalpasti untuk dijual dan kemudiannya melaporkan bahawa motokar tersebut telah dicuri di Pulau Pinang. Pada masa yang sama, bapa kepada Defendan Pertama mendakwa bahawa beliau telah membeli motokar tersebut dari penjual kereta terpakai (2nd hand car dealer) di Melaka. Pemindahan hakmilik kepentingan (transfer of interest) ini tidak dimaklumkan kepada anakguam kami, Sime AXA Assurance Bhd dan menurut syarat-syarat polisi insuran, polisi tersebut tidak sah sekiranya pemindahan hakmilik kepentingan tersebut tidak dimaklumkan kepada anakguam kami. Selanjutnya, kemalangan tersebut tidak dilaporkan kepada anakguam kami sehingga agak lewat.

Perenggan 7 afidavit berkenaan menyatakan:

Walaupun kami menarik diri daripada mewakili Defendan Pertama dan Kedua, atas sebab peruntukan di dalam perjanjian dengan Motor Insurance Bureau (MIB), anakguam kami, Sime AXA Assurance Bhd, **mungkin** masih bertanggungjawab untuk menjelaskan sebarang penghakiman yang Plaintif akan perolehi daripada Mahkamah yang Mulia ini di dalam tindakan ini.

Permohonan dalam kandungan 13 tidak dibantah oleh peguam plaintif (perayu) dan pada 22 Julai 1998, Hakim Mahkamah Sesyen Melaka telah memberikan perintah seperti yang dipohon dalam kandungan 13.

Pada 10 Ogos 2000 oleh kerana defendan kedua tidak hadir, satu penghakiman engkar terhadapnya telah dimasukkan. Manakala terhadap defendan pertama pula, penghakiman persetujuan telah direkodkan terhadapnya, di mana defendan pertama telah diperintahkan membayar kepada plaintif (perayu) RM20,000 sebagai gantirugi am dan khas, dan kos sebanyak RM2,000.

Apa yang dinyatakan di perenggan 7 afidavit berkenaan dan surat bertarikh 19 Julai 1999, daripada Tetuan Vohrah & Tan Chee Lan kepada peguam perayu (surat berkenaan), telah mencetuskan permohonan perayu (kandungan 28) yang telah dibuat di bawah A. 22 k. 3 Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980 (KMR). Melalui kandungan 28 perayu memohon kepada Mahkamah Sesyen untuk membuat perintah-perintah berikut:

1. Penghakiman muktamad untuk jumlah RM20,000.00 berserta kos sebanyak RM2,000.00 dimasukkan terhadap Defendan Ketiga atas pengakuan yang dibuat oleh Defendan Ketiga dan/atau peguamcaranya di dalam suatu surat bertarikh 19.7.1999 daripada Peguamcara Defendan Ketiga dan di dalam Afidavit Amar Chand Vohrah bertarikh 11.6.1999 (kandungan 12);
2. Plaintif diberi kebenaran untuk melaksanakan penghakiman tersebut terhadap Defendan Ketiga;
3. Kos permohonan ini ditanggung oleh Defendan Ketiga;
4. Apa-apa relief lain dan selanjutnya yang Mahkamah Mulia ini berpendapat sesuai dan berpatutan.

Menurut perayu, alasan bagi permohonan untuk memasukkan penghakiman muktamad terhadap responden (defendan ketiga) ialah kerana peguamcara responden, Tetuan Vohrah & Tan Chee Lan telah membuat pengakuan bahawa responden adalah syarikat insuran yang terlibat dan hendaklah membayar apa-apa gantirugi kepada perayu. Pengakuan ini dikatakan telah dibuat di perenggan 7 afidavit berkenaan yang menyatakan:

Walau pun kami menarik diri daripada mewakili Defendan Pertama dan Kedua, atas sebab peruntukan di dalam perjanjian dengan Motor Insurance Bureau (MIB), anakguam kami, Sime AXA Assurance Bhd, mungkin masih bertanggungjawab untuk menjelaskan sebarang penghakiman yang Plaintif akan perolehi daripada Mahkamah yang Mulia ini di dalam tindakan ini.

Perayu juga mendakwa bahawa pengakuan juga telah dibuat oleh Tetuan Vohrah & Tan Chee Lan dalam surat berkenaan:

Re: Malacca Sessions Court C/A No. 53-327-98

We refer to the above matter wherein our Mr Vohrah spoke to Mr. Raghbir Singh on 9.7.99.

Basically, it was an application to discharge ourselves from acting as solicitors for the first and second Defendants. The reason behind this is that, there has been a breach in the policy and our client Sime Axa, has instructed us that they wish to be added as a party so that their interest is protected.

Notwithstanding that there has been a breach in the policy, Sime Axa are still the insurers concern under the Motor Insurers Bureau and have to pay your clients damages, but they propose to go against Cik Izawati binti Abdul Hamid and Encik Looi Wai Chong for indemnity. We cannot therefore act for both Defendants as there will be a conflict of interest.

We shall not be asking you to amend your pleadings as we cannot force you to do so. We confirm that you have no objections to the applications in principle. We spoke to Mr. Raghbir Singh again today and you have asked us to confirm the convensation in writing.

Pada 9 Julai 2001, Hakim Mahkamah Sesyen Melaka telah menolak dengan kos permohonan perayu dalam kandungan 28. Perayu tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut dan telah mengemukakan rayuan ke Mahkamah Tinggi.

Teras hujah peguam perayu ialah bahawa apa yang dinyatakan oleh En. Amar Chand Vohrah di perenggan 7 afidavit berkenaan dan kandungan surat berkenaan (perenggan ketiga), secara keseluruhannya telah mewujudkan pengakuan yang jelas dan tanpa syarat yang membolehkan mahkamah memerintahkan penghakiman dimasukkan terhadap responden di bawah A. 22 k. 3 KMR. Peguam perayu juga berhujah bahawa soal fraud atau salah nyata (yang didakwa oleh peguam responden telah menyebabkan pelanggaran polisi insuran dalam kes ini), adalah tidak relevan. Menurut peguam perayu juga, oleh kerana penghakiman persetujuan di antara plaintif dan defendan pertama telah direkodkan, ini adalah mencukupi untuk menimbulkan obligasi statutori di bawah s. 96 Akta Pengangkutan Jalan 1987 terhadap responden untuk membayar kepada plaintif jumlah penghakiman RM20,000 yang direkodkan dalam

penghakiman persetujuan tersebut. Kes-kes *Malacca Precast Concrete Works v. William Jack & Co (M) Sdn Bhd* [1970] 2 MLJ 111, *Pembinaan KSY Sdn Bhd v. Syarikat Federal Furniture Construction And Engineering Works* [1991] 1 MLJ 347, *Queensland Insurance Co Ltd v. Lee Brothers Organisation* [1967] 2 MLJ 258, *Associated Tractors Sdn Bhd v. PMB (Kulim) Sdn Bhd* [1989] 1 MLJ 245, *Ranhill Bersekutu Sdn Bhd v. Konsortium Lapangan Terjaya Sdn Bhd* [2001] 2 CLJ 380, *The People's Insurance Co (M) Sdn Bhd v. Syarikat Kenderaan Melayu Kelantan Bhd* [2001] 1 CLJ 510, *Tong Lee Hwa & Anor v. Chin Ah Kwi* [1971] 2 MLJ 75 dan *Aetna Universal Insurance Sdn Bhd v. Fire Accident & Marine Sdn Bhd* [2001] 4 CLJ 753 telah dikemukakan sebagai otoriti.

Peguam responden pula menghujahkan bahawa apabila kandungan perenggan 7 afidavit berkenaan dan surat berkenaan dibaca bersekali, tidak wujud satu pengakuan liabiliti oleh responden. Peguam responden juga berhujah bahawa penghakiman secara persetujuan yang dibuat di antara perayu dan defendan pertama tidak mengikat responden, kerana responden bukan pihak kepada perintah persetujuan tersebut dan tidak pernah memberi apa-apa persetujuan kepada perintah persetujuan tersebut. Menurut peguam responden dalam kes-kes di mana obligasi di bawah s. 96 Akta Pengangkutan Jalan 1987 timbul dan Syarikat Insuran dikehendaki membayar kepada pihak ketiga, syarikat-syarikat insuran berkenaan telah diberi peluang untuk didengar atau telah pun memberikan persetujuan untuk penghakiman dimasukkan. Menurutnya, dalam keadaan sedemikian syarikat-syarikat insuran berkenaan tidak boleh lari daripada tanggungjawab mereka untuk membuat bayaran kepada pihak ketiga. Peguam responden juga berhujah bahawa tiada terdapat apa-apa tuntutan terhadap responden dalam pernyataan tuntutan yang wujud sekarang. Menurutnya, plaintif adalah terikat dengan plidingnya dan memandangkan bahawa tidak terdapat prayer-prayer yang spesifik dalam pernyataan tuntutan terhadap responden, mahkamah ini tidak boleh memberikan penghakiman terhadap responden. Kes-kes *Societe Belge De Banque SA v. Rao Girdhari Lal Chaudhary* [1940] AIR 90, *Ruby Investment (Pte) Ltd v. Candipark Pte Ltd* [1989] 3 MLJ 396 dan *Ria Enterprise & Ors v. MBf Finance Bhd* [2001] 1 CLJ 687 telah dikemukakan sebagai otoriti.

Dalam pandangan saya, setelah menimbangkan hujah peguam-peguam dalam kes ini, isu yang perlu diputuskan oleh mahkamah ialah samada berdasarkan kepada fakta-fakta dan keadaan kes ini, mahkamah boleh memasukkan penghakiman terhadap responden di bawah A. 22 k. 3 KMR. Pada hemat saya penyelesaian kepada isu ini bergantung kepada pliding perayu, yang mesti dihakimkan berdasarkan kepada prinsip-prinsip undang-undang yang asas mengenai pliding. Itulah kuncinya. Jika itulah kuncinya maka perlu diingati dan dinyatakan semula prinsip-prinsip asas tersebut.

Dalam kes-kes sivil perbicaraan bergantung kepada pliding. Perbicaraan dijalankan dan kes dihakimkan berdasarkan kepada fakta-fakta dan isu-isu yang ditimbulkan dalam pliding. Pihak-pihak dalam sesuatu kes itu adalah terikat dengan pliding mereka dan tidak boleh mengemukakan keterangan mengenai fakta-fakta yang tidak diplidkan (*State Government of Perak v. Muniandy* [1986] 1 MLJ 490). Betapa pentingnya pliding dalam kes-kes sivil telah diingatkan dalam banyak penghakiman mahkamah-mahkamah dari masa ke semasa. Jika sesuatu isu yang penting tidak ditimbulkan dalam pliding, isu itu tidak boleh dibenarkan untuk dikemukakan dalam penghujahan (*Lee Ah Chor v. Southern Bank Bhd* [1991] 1 CLJ 667; [1991] 1 CLJ (Rep) 239, *Muniandy & Anor v. Muhammad Abdul Kader & Ors* [1989] 2 CLJ 577; [1989] 1 CLJ (Rep) 116, *Chung Khiaw Bank Ltd v. Hotel Rasa Sayang Sdn Bhd & Anor* [1990] 1 CLJ 675; [1990] 1 CLJ (Rep) 57.

Kejayaan sesuatu pihak untuk mendapatkan penghakiman bergantung kepada soal sama ada ia dapat membuktikan dengan keterangan, fakta-fakta yang menyokong kausa tindakannya seperti yang diplidkan. Pembuktian bagi fakta atau isu itu dilakukan dengan memanggil saksi-saksi memberikan keterangan dan dengan mengemukakan keterangan dokumentar. Tetapi ada kalanya satu pihak dalam sesuatu kes itu ada membuat pengakuan-pengakuan fakta. Jika ini berlaku, fakta-fakta yang diakui itu tidak perlu lagi dibicarakan dan pihak yang lain dalam kes itu boleh memohon kepada mahkamah untuk mendapatkan penghakiman. Ini di peruntukkan di bawah A. 22 k. 3 KMR yang menyatakan:

> Jika pengakuan-pengakuan fakta dibuat oleh pihak dalam sesuatu kausa atau perkara sama ada melalui plidingnya atau selainnya, maka mana-mana pihak lain dalam kausa atau perkara itu boleh memohon kepada Mahkamah untuk mendapatkan apa-apa penghakiman atau perintah sebagaimana yang berhak didapatinya berdasarkan pengakuan-pengakuan itu, tanpa menunggu penentuan apa-apa soalan lain di antara pihak-pihak itu, dan Mahkamah boleh memberikan apa-apa penghakiman, atau membuat apa-apa perintah, atas permohonan itu sebagaimana yang difikirkannya adil.

Soalnya, bolehkah sesuatu pihak dalam sesuatu kes itu memohon untuk penghakiman dimasukkan dibawah A. 22 k. 3 KMR, jika perkara mengenai fakta atau soal yang dikatakan telah diakui oleh pihak yang satu lagi itu telah tidak diplidkan dalam pliding (pihak yang memohon penghakiman) sebagai menyokong kausa tindakannya? Isu ini penting kerana seperti yang telah dinyatakan dibahagian lain dalam penghakiman ini, perbicaraan dan penghakiman dalam kes-kes sivil bergantung kepada dan terikat dengan pliding yang telah difailkan dalam kes-kes tersebut.

Dalam pandangan saya, fakta atau isu yang dikatakan telah diakui oleh sesuatu pihak dalam sesuatu kes sivil, yang membolehkan pihak yang lain dalam kes itu untuk memohon penghakiman dimasukkan dibawah A. 22 k. 3 KMR, mestilah merupakan perkara-perkara yang telah diplidkan atau timbul dengan jelas daripada pliding pihak yang memohon penghakiman itu. Pandangan ini disokong oleh kata-kata Yang Arif Greene LJ dalam penghakimannya dalam kes *Ash v. Hutchinson & Co* [1936] Ch 489, di ms 503:

> A plaintiff who relies for the proof of a substantial part of his case **upon admissions** in the defence must show that the matters in question are **clearly pleaded** and as **clearly admitted**; he is **not entitled to ask the Court to read meanings into his pleading which upon a fair construction do not clearly appear in order to fix the defendants with an admission.** (Tekanan ditambah)

Pada hemat saya persoalan seterusnya yang perlu dijawab ialah apakah kausa tindakan perayu, berdasarkan kepada pernyataan tuntutannya yang wujud pada masa ini? Apakah pernyataan tuntutan seperti yang wujud kini menimbulkan apa-apa kausa tindakan terhadap responden? Dalam memperkatakan soal kausa tindakan, mahkamah ini mengulangi kata-kata Yang Amat Arif Tun Salleh Abas KHN dalam *Government of Malaysia v. Lim Kit Siang* [1988] 1 CLJ 219; ([1988] 1 CLJ (Rep) 63):

> What then is the meaning of "a cause of action"? *"A cause of action" is a statement of facts alleging that a plaintiff's right, either at law or by statute, has, in some way or another, been adversely affected or prejudiced by the act of a defendant in an action.* Lord Diplock in *Letang v. Cooper* at p. 242 defined "a cause of action" to mean "a factual situation, the existence of which entitles one person to obtain from the court a remedy against another person". *In my view the factual situation spoken of by Lord Diplock must consist of a statement alleging that, first, the respondent/plaintiff has a right either at law or by statute and that, secondly, such right has been affected or prejudicated by the appellant/defendant's act.* (tekanan ditambah)

Teras penghujahan yang dibuat oleh peguam yang mewakili perayu ialah bahawa berdasarkan kepada polisi insuran yang wujud dalam kes ini responden mempunyai tanggungjawab statutori di bawah s. 96 Akta Pengangkutan Jalan 1987, untuk menjelaskan jumlah penghakiman dalam penghakiman persetujuan yang telah dimasukkan di antara plaintif dan defendan pertama walau pun responden sendiri bukan pihak kepada dan telah tidak memberikan persetujuan kepada penghakiman tersebut. Itulah kausa tindakan perayu terhadap responden. Dalam keadaan biasa, plaintif perlu memulakan tindakan dalam recovery action untuk mendapatkan pembayaran tersebut daripada pihak insuran. Tetapi dalam kes ini oleh kerana responden telah pun menjadi pihak dalam kes ini dan telah pun memfailkan pembelaannya, perayu berhujah bahawa oleh kerana adanya

pengakuan yang telah dibuat oleh peguam responden, ia berhak memasukkan penghakiman terhadap responden. Tetapi soalnya ialah sama ada dalam pernyataan tuntutannya seperti yang wujud sekarang, kausa tindakan terhadap responden seperti yang tersebut diatas, (yang ditimbulkan dalam hujah peguam perayu), telah diplidkan oleh perayu?.

Tidaklah dapat dinafikan bahawa pernyataan tuntutan yang wujud pada masa ini menimbulkan kausa tindakan terhadap defendan pertama (pemandu kereta PCY 3808) dan defendan kedua selaku pemilik kereta tersebut. Tetapi dalam penghakiman saya tidak terdapat apa-apa dalam pernyataan tuntutan itu yang menimbulkan kausa tindakan (seperti yang telah dihuraikan) terhadap responden. Malah tidak ada apa-apa dalam penyataan tuntutan itu yang mengaitkan atau pun membuat apa-apa rujukan walau pun sedikit kepada responden. Dalam kes ini selepas responden dimasukkan sebagai satu pihak, dan selepas responden memfailkan pernyataan pembelaannya, perayu mempunyai kebebasan dan boleh, jika ia mahu, membuat pindaan kepada pernyataan tuntutannya. Malangnya ini telah tidak dilakukan oleh perayu. Barangkali perayu memikirkan ini tidak perlu kerana dengan bahan yang ada di tangannya, (iaitu, kandungan perenggan 7 afidavit berkenaan dan surat berkenaan), yang dalam pengamatan perayu merupakan satu pengakuan, ia boleh menggunakan peruntukan dibawah A. 22 k. 3 KMR untuk terus memasukkan penghakiman terhadap responden. Dalam pandangan saya, tafsiran perayu mengenai applikasi A. 22 k. 3 KMR berdasarkan kepada keadaan kes ini (terutamanya kedudukan pliding perayu sendiri) ternyata meleset. Ini adalah kerana mahkamah perlu membuat keputusannya berlandaskan kepada kes perayu seperti yang diplidkan olehnya dalam pernyataan tuntutan. Pada hemat saya jika mahkamah membenarkan permohonan perayu untuk memasukkan penghakiman terhadap responden ini bererti bahawa mahkamah membuat keputusan mengenal soal pokok yang langsung tidak diplidkan dalam pernyataan tuntutan. Ini, pada hemat saya tidak boleh dilakukan kerana ia bukan sahaja bertentangan dengan prinsip-prinsip undang-undang yang jelas dan asas mengenai pliding, malahan akan menjadikan prinsip-prinsip tersebut sia-sia. Sehubungan ini dalam kes *Yew Wan Leong v. Lai Kok Chye* [1990] 1 CLJ 1113; ([1990] 1 CLJ (Rep) 330), ms 1116 (ms 333) Yang Arif Gunn Chit Tuan HMA telah menyatakan:

> We agreed with the following passage in the judgment of the learned judge in that case in which his Lordship stated:
>
> > *The court is not entitled to decide a suit on a matter on which no issue has been raised by the parties. It is not the duty of the court to make out a case for one of the parties when the party concerned does not raise or wish to raise the point. In disposing of a suit or matter involving a disputed question of fact, it is not proper for the court to*

displace the case made by a party in its pleading and give effect to an entirely new case which the party had not made out in its own pleadings. The trial of a suit should be confined to the pleas on which the parties are at variance. (tekanan ditambah).

Berdasarkan kepada alasan-alasan seperti yang tersebut diatas, saya memutuskan bahawa Mahkamah Sesyen tidak boleh membenarkan perayu untuk memasukkan penghakiman terhadap responden dibawah A. 22 k. 3 KMR. Oleh itu keputusan Mahkamah Sesyen yang dibuat pada 9 Julai 2001, menolak permohonan perayu dalam kandungan 28, disahkan.

Rayuan perayu ditolak dengan kos.